

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyemak tempoh pemberian biasiswa pasca siswazah yang berdasarkan minimum tempoh pengajian setiap bidang dan bukan hanya 3 tahun seperti yang dilaksanakan ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep penajaan pengajian berdasarkan tempoh pengajian minimum bukanlah cadangan baharu tetapi telah sedia dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Penetapan tempoh penajaan ini adalah berdasarkan kepada tempoh pengajian minimum sesuatu program pengajian di universiti seperti yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pendekatan ini juga turut diguna pakai oleh penaja pendidikan tinggi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Umumnya, bagi pengajian peringkat Sarjana, tempoh pengajian adalah antara 18 hingga 24 bulan. Manakala bagi pengajian di peringkat PhD pula, tempoh penajaan lazimnya ditetapkan selama tiga (3) tahun atau 36 bulan. Walau bagaimanapun, terdapat situasi tertentu yang membolehkan pelajar diberikan tempoh penajaan melebihi tiga (3) tahun. Contohnya pengajian Sarjana Kedoktoran/Sarjana Kepakaran yang mana tempoh minimum pengajian adalah empat (4) tahun atau 48 bulan. Tempoh penajaan selama empat (4) tahun turut diberikan kepada pengajian di peringkat PhD yang mana struktur programnya memerlukan pelajar lulus *comprehensive exam (CE)* terlebih dahulu sebelum memulakan penyelidikan seperti yang lazimnya dilaksanakan oleh universiti-universiti di Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih